

PM puas hati kesatuan' sekerja bertolak ansur

17 MAY 2002

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir bersyukur kerana kesatuan sekerja dan pekerja di negara ini tidak terikut dengan budaya menguji kekuatan yang diamalkan di Barat dalam menyelesaikan segala tuntutan dan isu pekerja.

Perdana Menteri berkata, kesanggupan kesatuan sekerja dan pekerja untuk bertolak ansur dan menyelesaikan masalah secara rundingan membolehkan negara terus bersaing dalam pasaran dunia yang semakin hebat.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berharap kesatuan sekerja dan pekerja akan terus mengekalkan budaya dan amalan baik itu serta memahami selok belok ekonomi dan baik buruknya tindakan perusahaan yang tidak bertanggungjawab.

"Sebenarnya sikap inilah yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup pekerja dan rakyat Malaysia yang lain. Kita sudah lihat bagaimana negara maju akhirnya menjadi kurang maju apabila kesatuan sekerja mereka asyik mogok apabila berselisih pendapat dengan majikan.

"Budaya kita akan menentukan ekonomi negara kita tidak akan diganggu oleh tindakan *test of strength* atau ujian kekuatan atau ujian siapa lebih kuat yang menjadi cara negara Barat menyelesaikan masalah.

"Sesungguhnya cara kita adalah jauh lebih baik daripada semua segi dan kita harus kekalkan cara kita," katanya dalam perutusan sempena sambutan Hari Pekerja esok.

Perdana Menteri juga berharap rakyat yang menganggur tidak terlalu memilih pekerjaan. sebaliknya mesti sanggup mengisi pekerjaan yang ada supaya negara tidak perlu bergantung kepada pekerja asing dan

LIHAT MUKA 2

Sikap pilih kerja jejas ekonomi negara

DARI MUKA 1

dapat mengurangkan pengaliran keluar wang.

Beliau berkata, sikap tidak sanggup bekerja itu bukan hanya menyebabkan mereka miskin dan membebaskan negara, tetapi sedikit sebanyak menjejaskan ekonomi negara.

"Sementara ramai pekerja di kebanyakan negara lain, termasuk negara maju menganggur, pengangguran tidaklah menjadi masalah besar bagi pekerja di negara kita.

"Mereka yang sanggup bekerja memang boleh mendapat kerja. Jika tidak ada kekosongan tentulah tidak ramai pekerja asing berada di sini.

"Kita akui pekerja menyumbang kepada ekonomi negara. Sudah tentu jika kita sebagai rakyat Malaysia tidak sanggup bekerja, maka kita tidak menyumbang kepada pembangunan negara, sebaliknya kita menjadi beban kepada negara pula," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada sebilangan kecil rakyat yang menganggur, pada amnya semua rakyat hidup mewah dan selesa kerana kerajaan dapat mengawal ekonomi negara supaya kos sara hidup tidak meningkat tinggi.

Dr Mahathir berkata, walaupun keadaan ini dianggap perkara biasa, rakyat harus ingat bahawa di kebanyakan negara membangun kadar inflasi meningkat sehingga 100 peratus setiap tahun.

"Ada negara yang inflasi begitu tinggi sehingga kepercayaan kepada nilai mata wang hilang sama sekali, atau puluhan ribu unit mata wang dibelanja tiap

hari untuk hanya menyara hidup," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, inflasi menghakiskan nilai upah dan pengawalannya lebih Denting daripada kenaikan upah.

Katanya, penambahan upah tidak bererti jika barangan yang boleh dibeli dengannya tidak bertambah atau merosot.

"Sebab itu kerajaan berusaha sepanjang masa untuk membendung inflasi. Walaupun kawalan harga biasanya dibuat di masa perang, tetapi amalan masa perang 50 tahun dulu masih dikekalkan dan dikuatkuasa.

"Kita tidak ingin melihat kenaikan upah yang didapati oleh pekerja dihakis oleh inflasi. Kita ingin lihat taraf hidup pekerja menjadi semakin baik," katanya.

Perdana Menteri berkata, upah yang diperoleh pekerja hari ini sebenarnya sudah meningkat berbanding kadar yang diperoleh sebelum ini.

Katanya, kenaikan itu pada umumnya disebabkan oleh daya pengeluaran pekerja Malaysia yang semakin meningkat sehingga menjadikan barangan keluaran negara dapat terus bersaing di pasaran anta-

rabangsa.

"Kita harus berusaha untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran kita supaya pendapatan kita terus bertambah," katanya.

Dr Mahathir berkata, usaha meningkatkan daya pengeluaran kini menjadi lebih penting kerana nilai mata wang negara semakin kukuh sedangkan nilai mata wang negara pesaing semakin susut.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh melawan susut nilai ini dengan menurunkan nilai Ringgit tetapi tindakan itu hanya akan menaikkan kos sara hidup dan kos pengeluaran kerana harga barangan import dan komponen import juga akan meningkat.

"Menaikkan upah selepas menurunkan nilai mata wang kita tidak bermakna kerana pekerja tidak mungkin menampung kos sara hidup sedangkan kos barangan yang dihasilkan oleh pekerja akan meningkat dan barangan kita tidak dapat bersaing di pasaran dunia.

"Pendekatan yang terbaik ialah mengekalkan nilai Ringgit dan berusaha meningkatkan lagi daya pengeluaran kita," katanya.